


Bantu 12,608 pesakit buah pinggang di pusat dialisis bukan panel dan hospital kerajaan



Zaitie Satibi

zaisa@hmetro.com.my

**Seramai** 12,608 orang berinsurans (OB) yang menghidap penyakit buah pinggang peringkat akhir (ESRD) menerima kemudahan bantuan dialisis ditawarkan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) sejak diperkenalkan pada 1999 sehingga tahun lalu.

Kemudahan itu satu daripada faedah pemulihan kepada OB yang diberikan secara percuma di pusat dialisis panel yang diselia badan bukan kerajaan (NGO) atau swasta.

Namun, kemudahan berkenaan juga termasuk membiayai OB yang mendapatkan rawatan hemodialisis (HD) di pusat dialisis bukan panel dan hospital kerajaan dengan syarat tertentu serta rawatan dialisis peritoneum ambulatori berterusan (CAPD) atau dialisis peritoneum automatik (APD).

Pengurus Besar Cawangan Perubatan dan Pemulihan Bahagian Operasi PERKESO, Dr Nik Amsharija Mohamed berkata, PERKESO mewujudkan unit dialisis di bawah cawangan berkenaan pada 1998 bagi membantu pesakit buah pinggang kronik membabitkan golongan pekerja di negara ini.

"Unit ini berfungsi menawarkan bantuan dialisis pada tahun berikutnya dan pada peringkat awal kemudahan diperkenalkan PERKESO ini untuk membantu penerima pencen ilat yang mengalami ESRD sebelum

# RAWATAN DIALISIS PENCARUM PERKESO

FOTO SHAZREEN ZAMZURI



ANTARA peserta yang menghadiri Forum Pesakit Ke-12 anjuran NKF mendengar ceramah Dr Nik Amsharija.

diluaskan kepada penerima bantuan ilat, pemohon skim pencen ilat dan bantuan ilat.

"Ini dilakukan atas keprihatinan untuk menyediakan kemudahan bantuan dialisis kepada OB dalam usaha membantu mereka yang tidak dapat bekerja meneruskan kehidupan seperti pekerja

normal," katanya ketika membentangkan tajuk Kemudahan Bantuan Dialisis PERKESO sempena Forum Pesakit Ke-12 anjuran Yayasan Buah Pinggang Kebangsaan (NKF) Malaysia di Klang, Selangor, baru-baru ini.

Forum berkenaan bertujuan mendidik dan melengkapkan pesakit

buah pinggang dan penjaga mereka dengan ilmu dan kemahiran diperlukan untuk meneruskan kelangsungan dengan penyakit terbabit.

Perasmian majlis disempurnakan Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kesihatan, Kebajikan, Pembangunan Wanita Dan Keluarga Selangor, Dr

Daroyah Alwi. Turut hadir, Pengerusi NKF Malaysia, Datuk Dr Zaki Morad Mohamad Zaher.

Dr Nik Amsharija berkata, PERKESO turut menanggung penyediaan tapak rawatan iaitu pembedahan Arteriovenous Fistula iaitu sambungan antara arteri dan vena bagi HD dan pemasangan kateter Tenckhoff untuk CAPD serta APD.

Selain itu, tambahan bantuan subsidi untuk suntikan Erythropoietin (EPO) dan ubatan Immunosuppresant juga ditawarkan kepada OB yang menerima bantuan dialisis dan menjalani pemindahan buah pinggang.

"Selain melantik pusat dialisis yang dioperasikan NGO dan swasta sebagai panel, PERKESO turut menyumbang mesin dialisis kepada pusat berkenaan yang memerlukannya.

"Setakat ini, sebanyak 502 unit mesin dialisis dengan kos RM19.4 juta disumbangkan kepada pusat dialisis termasuk yang dijalankan oleh NKF

di seluruh negara sejak 1998," katanya.

Beliau berkata, PERKESO melaporan purata peratus peningkatan bilangan OB yang mengalami masalah buah pinggang dan menerima bantuan dialisis pada kadar 18 peratus setahun, manakala purata peratus permohonan yang diluluskan sejak 2010 adalah pada kadar 12 peratus setahun.

Implikasi daripada peningkatan ini mengakibatkan OB kehilangan pekerjaan atau pendapatannya berkurangan atau menyebabkan keluarga pekerja berkenaan hilang tempat bergantung.

Kerajaan juga kehilangan sumber manusia yang boleh menyumbang kepada produktiviti negara. Oleh itu, kemudahan bantuan dialisis ini adalah langkah intervensi bagi membantu golongan pekerja mengalami masalah akibat penyakit kronik.

"Namun, PERKESO turut memperkenalkan program Kembali Bekerja (RTW) untuk membantu pencarum yang menghidap penyakit buah pinggang tetapi masih berupaya dan bermotivasi untuk kembali bekerja.

"Berdasarkan rekod, sebanyak 104 kes membabitkan pencarum PERKESO yang mengalami kegagalan fungsi buah pinggang mengikuti program ini dari 2007 hingga Julai tahun lalu.

"Daripada jumlah berkenaan, 50 peratus kes kembali bekerja, enam peratus masih dalam tempoh rehabilitasi dan rawatan, 13 peratus dalam proses carian pekerjaan, manakala bakinya menarik diri daripada program kerana masalah kesihatan.

"Penempatan semula dalam bidang pekerjaan yang mengikut keupayaan mereka adalah tindakan PERKESO dalam memastikan pesakit buah pinggang diberi pekerjaan untuk mengurangkan masalah kewangan dan pengangguran dalam kalangan mereka," katanya.